

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 2.4.2015

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagi pelaksanaan tahun 2014, mengapa 24 buah projek di Sabah yang merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai taraf bangunan sekolah-sekolah diluluskan dengan kos setinggi RM130.7 juta sedangkan di Sarawak, 22 buah projek yang sama diluluskan dengan kos hanya sebanyak RM73.6 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan pembangunan pendidikan di kawasan pedalaman termasuk di Sabah dan Sarawak diberikan keutamaan melalui penyediaan kemudahan infrastruktur yang diperlukan oleh masyarakat setempat. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh KPM meliputi:

1. Pembinaan sekolah-sekolah baru di kawasan yang memerlukan,
2. Penggantian, pengubahsuaian, menaik taraf dan pembinaan bilik darjah tambahan bangunan sekolah sedia ada,
3. Program bekalan air bersih; dan
4. Program bekalan elektrik 24 jam melalui pelbagai kaedah.

Di samping itu, kemudahan pendidikan lain turut disediakan seperti kemudahan asrama bagi murid serta penyediaan rumah guru di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Program-program ini telah dan sedang diteruskan dalam RMKe-10.

Pendekatan yang diambil oleh KPM untuk memastikan akses kepada pendidikan bagi murid luar bandar dan peribumi Sabah dan Sarawak dilaksanakan melalui satu pendekatan yang menyeluruh. Ia merangkumi aspek penyediaan kemudahan fizikal sekolah serta bekalan elektrik dan air bersih.

Dimaklumkan juga bahawa, jenis pembinaan, kos pembinaan keseluruhan dan skop kerja bagi sesuatu projek di sesebuah kawasan adalah tidak sama dan ini menjelaskan sebab peruntukan yang diluluskan adalah tidak sama bagi negeri Sabah dan Sarawak.

SOALAN (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 APRIL 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Kementerian mempunyai rancangan supaya menggiatkan operasi bersama kerajaan tempatan dengan kerjasama polis serta penguatkuasa yang lain untuk membanteras penggunaan kedai-kedai atau perumahan untuk kegiatan perjudian mesin kuda.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, butiran 4, Senarai II- Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukan supaya hal yang berkaitan dengan kerajaan tempatan kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk berkerjasama dengan polis serta agensi penguatkuasa lain untuk membanteras penggunaan kedai-kedai atau perumahan untuk kegiatan perjudian mesin kuda.

Walau bagaimana pun, Seksyen 110- Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan, sesuatu pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan bagi

menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan kerja yang diberikan kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan pendakwaan atas apa-apa kesalahan di bawah Seksyen 120 Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan ini atau dibawah mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan dan hendaklah membayar apa-apa belanja yang dilakukan dalam pendakwaan itu.

SOALAN NO.: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan kerajaan pusat yang akan diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit supaya meringankan bebanan mereka memandangkan harga komoditi-komoditi tersebut begitu rendah sekali. Senaraikan subsidi-subsidi yang diberikan oleh kerajaan pusat untuk membantu pekebun-pekebun tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah dan sawit seperti komoditi lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa, bergantung kepada penawaran dan permintaan dan pertumbuhan ekonomi global. Sejak suku tahun ketiga 2014, harga getah dan minyak sawit telah mengalami tren penurunan yang disumbangkan oleh antara lain, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Keadaan ini turut telah memberi impak kepada ekonomi Malaysia termasuk kepada pendapatan pekebun kecil getah dan sawit.

Sehubungan dengan itu, bagi membantu pekebun kecil getah di seluruh negara, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Pada tahun 2014, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM130 juta kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) untuk memberi bantuan sebanyak RM500 secara *one-off* di bawah program Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKHG) melibatkan kira-kira 260,000 pekebun kecil (termasuk penoreh). Sebelum ini, pada tahun 2013, Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM127.3 juta untuk diberikan kepada 254,673 pekebun kecil di bawah skim BKKHG;

- ii. Memperuntukkan sebanyak RM100 juta sebagai dana awal untuk pelaksanaan program Insentif Pengelauran Getah (IPG). IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR 20 *Free on Board* (FOB) berada pada RM4.60 se kilogram dan ke bawah. Pelaksanaan IPG melibatkan pemberian insentif pengeluaran seperti berikut:
 - (a) RM0.30 bagi setiap kilogram *cuplumps* (50% Kandungan Getah Kering - KGK);
 - (b) maksima RM0.90 bagi setiap kilogram lateks berdasarkan peratus KGK; dan
 - (c) maksima RM0.60 bagi setiap kilogram getah *Unsmoked Sheet* (USS) berdasarkan KGK; dan
- iii. Melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang. Tujuannya ialah untuk mengurangkan peranan orang tengah supaya pekebun kecil mendapat harga yang munasabah dan ‘remunerative’, dengan izin. Sebanyak 64 koperasi telah bersetuju untuk melaksanakan program ini bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM). Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urusniaga.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga menyediakan bantuan tanam baru dan tanam semula getah kepada pekebun kecil. Bagi tahun 2014, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM307.2 juta

bagi tanam baru dan tanam semula getah seluas 51,129 hektar. Bagi tahun 2015, peruntukan yang disediakan bagi tanam semula dan tanam baru getah adalah RM206.8 juta seluas 48,174 hektar. Di bawah program ini, bantuan yang disediakan adalah RM9,230 sehektar di Semenanjung, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar bagi Sarawak.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membantu golongan pekebun kecil sawit pula, Kerajaan telah menyediakan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK). Kadar bantuan ini ialah RM500 sebulan bagi tempoh dua (2) tahun dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) pekebun kecil menerima bantuan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK);
- (b) memiliki keluasan tanah tidak melebihi 2.5 hektar;
- (c) pendapatan per kapita keluarga kurang daripada RM500 sebulan; dan
- (d) pendapatan pekebun kecil daripada kebun sawit yang ditebang dan ditanam semula menyumbang lebih 50 peratus daripada jumlah pendapatan bulanan.

Selain BPK , pekebun kecil sawit juga menerima pelbagai bantuan seperti berikut:

i. Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)

Di bawah skim ini, pekebun kecil persendirian yang mempunyai pemilikan tanah kurang dari 40 hektar akan menerima bantuan tanam semula berjumlah RM7,500 sehektar di Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini dihadkan kepada lima (5) hektar seorang. Bantuan ini adalah bagi membantu pekebun kecil membiayai kos penyediaan tanah, bahan tanaman dan input pertanian; dan

ii. Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil (SBSPK)

Di bawah skim ini, para pekebun kecil yang tidak pernah menerima sebarang bantuan akan disediakan bantuan baja untuk tanaman sawit mereka. Bantuan baja ini adalah pada kadar RM3,000 bagi sehektar dan dihadkan seluas tiga (3) hektar seorang.

Tuan Yang Di-Pertua,

MPIC akan terus menerajui program-program pembangunan sektor pekebun kecil getah dan sawit. Ini termasuk penyebaran maklumat mengenai amalan pertanian baik yang akan menjurus ke arah peningkatan produktiviti dan pendapatan daripada hasil tanaman komoditi ini.

Sekian, terima kasih.